



SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
ARAS 4, BLOK "B" WISMA DARUL AMAN  
JALAN TUNKU BENDAHARA  
05503 ALOR SETAR  
KEDAH DARUL AMAN

كردح سجاھترو  
KEDAH SEJAHTERA  
NIKMAT UNTUK SEMUA

Telefon : 04-702 7000  
Faks : 04-702 7100  
Laman Web : www.kedah.gov.my  
E-Mail : suk@kedah.gov.my

65

Ruj Kami : PSU(K)330-1431 Jld.5 (66)  
Tarikh : 17 Februari 2021  
05 Rejab 1442 H

### SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YBhg. Dato' / Tuan,

**CADANGAN PENETAPAN SENARAI SEMAK SERTA KADAR BAYARAN DAN FI BAGI PERMOHONAN MEMBINA MENARA DAN STRUKTUR SISTEM PEMANCAR TELEKOMUNIKASI UNTUK DIGUNA PAKAI OLEH SEMUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN**


Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Perkhidmatan komunikasi merupakan kemudahan asas (*public utility*) yang memacu negeri ke arah ekonomi digital. Kerajaan Negeri Kedah sentiasa mendukung aspirasi ke arah pembangunan infrastruktur komunikasi agar liputan yang lebih meluas dan kualiti jalur lebar yang baik disediakan untuk rakyat negeri Kedah. Bagi merealisasikan matlamat Jalinan Digital Negara (JENDELA), pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam mempertingkatkan perkhidmatan telekomunikasi di negeri Kedah Darul Aman melalui pembangunan infrastruktur yang lebih cepat dan menyeluruh.

3. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan ketersediaan kesalinghubungan digital dan penyediaan infrastruktur telekomunikasi yang mampan, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada **27 Januari 2021** melalui **Kertas No.7(F) 58/2021** telah bersetuju untuk memutuskan perkara-perkara seperti berikut :

- a) Bersetuju dengan cadangan penetapan senarai semak serta kadar bayaran fi yang baharu bagi permohonan membina menara dan struktur pemancar telekomunikasi untuk diguna pakai oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Kedah Darul Aman.
- b) Bersetuju untuk menetapkan senarai semak permohonan Kebenaran Merancang (KM) bagi membina menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi untuk diguna pakai oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Kedah Darul Aman adalah seperti berikut :

...2/-



BIL.	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	CATATAN	DISEMAK OLEH	
			PEMOHON	OSA / OSC
A	<b>SEMUA AGENSI / JABATAN TEKNIKAL TERLIBAT</b>			
1	<b>BORANG A KPPA (KEBENARAN MERANCANG) + SURAT PERMOHONAN RASMI</b>	Rujuk Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) Negeri Kedah (KPPA)		
2	<b>PELAN KUNCI/ PELAN LOKASI/ PELAN KEBENARAN MERANCANG</b> (Pelan Susunatur/ Pelan Tapak/ Pelan Lantai) Yang Mengandungi Kesemua Keperluan Infrastruktur Dan Utiliti.			
3	<b>RESIT BAYARAN FI KEBENARAN MERANCANG</b> (Cek Dan Pengiraan Fi)	Rujuk Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) Negeri Kedah (KPPA)		
4	<b>HAK MILIK TANAH/ SURAT PERSETUJUAN BANK/ PERJANJIAN JUAL BELI/ SIJIL CARIAN RASMI HAK MILIK TANAH/ PERMOHONAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (Bagi Tanah Kerajaan)</b> (Gadaian/ Kaveat Atau Perjanjian Penswastaaan)			
5	<b>PERAKUAN KEBENARAN LALUAN</b> • Cadangan Akses Bukan Dibawah Hakmilik Pemohon; Atau • Cadangan Akses Melibatkan Rezab Lebuhraya (LLM)	Mengikut Keperluan Dan Lokasi Tapak		
6	<b>PELAN UKUR TANAH/ PELAN KONTUR DAN PERINCIAN</b>			

BIL.	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	CATATAN	DISEMAK OLEH	
			PEMOHON	OSA / OSC
7	<b>LAPORAN CADANGAN PEMAJUAN (LCP)</b> [Mengambil kira Intipati Laporan TIA, SIA, HIA, EIA, EESIM, Geologi dll. (Jika Berkaitan)]	Rujuk Manual LCP (Edisi 2) Yang Disediakan Oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia		
8	<b>RESIT CUKAI TAKSIRAN</b> (Resit Cukai Semasa)			
9	<b>DOKUMEN DAFTAR TUBUH SYARIKAT</b> [Memorandum dan Artikel (M&A), Form 24 dan Form 49 beserta surat penurunan kuasa menandatangani pelan dan dokumen sekiranya penama yang mendatangi dokumen tiada dalam Form 49a]			
10	<b>SALINAN INSURANS TANGGUNGAN AWAM (PUBLIC LIABILITY INSURANCE)</b>			
<b>B</b>	<b>SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA KEDAH (SKMM)</b>			
11	<b>BORANG – TOWER / 'ROOF TOP INSPECTION FORM'</b> (Lengkap Diisi)			
12	<b>SALINAN PENERIMAAN SURAT PEMAKLUMAN NFP</b> (Ketinggian Bangunan Melebihi 15 Meter)			
<b>C</b>	<b>PEJABAT TANAH DAERAH (PTD)</b>			
13	<b>RESIT BAYARAN CUKAI TANAH/ CUKAI PETAK</b> (Resit Cukai Semasa)			

BIL.	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	CATATAN	DISEMAK OLEH	
			PEMOHON	OSA / OSC
14	<b>SURAT WAKIL KUASA</b> (Power Of Attorney/ Perjanjian Jual Beli Dan Profil Syarikat)	Sekiranya Berkaitan / Perlu		
<b>D</b>	<b>JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN KEDAH (JPS)</b>			
15	<b>LAPORAN PENGURUSAN AIR LARIAN HUJAN (Storm Water Management)</b> Kesemua Laporan Kejuruteraan Contoh : Pengiraan Hidraulik Hidrologi & Hidraulik)	Sekiranya Berkaitan / Perlu		
<b>E</b>	<b>JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS KEDAH (JMG)</b>			
16	<b>BORANG PENGESAHAN GEOLOGI TAPAK</b>	Sekiranya Berkaitan / Perlu		
17	<b>LAPORAN PENILAIAN GEOLOGI</b>	Sekiranya Berkaitan / Perlu		
<b>F</b>	<b>TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB)</b>			
18	<b>PENGIRAAN ANGGARAN BEBAN MAKSIMA/ MAP 'B'</b> (Diperakui Jurutera Elektrik Berdaftar)			
<b>G</b>	<b>LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)</b>			
19	<b>SURAT KELULUSAN (BERSYARAT) AKSES LEBUHRAYA YANG MASIH SAH</b>	Jika Berhampiran Dengan Lebuhraya		
<b>H</b>	<b>SYARIKAT AIR DARUL AMAN (SADA)</b>			
20	<b>BORANG TEKNIKAL BEKALAN AIR</b>	Sekiranya Berkaitan / Perlu		

BIL.	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	CATATAN	DISEMAK OLEH	
			PEMOHON	OSA / OSC
I	PLANMALAYSIA@KEDAH (JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA)			
J	JABATAN KERJA RAYA KEDAH (JKR)			
21	PELAN ANALISA KECERUNAN DAN LAPORAN GEOTEKNIK	Sekiranya Berkaitan / Perlu		
K	PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA (CAAM)			

- c) Bersetuju untuk menetapkan senarai semak permohonan Pelan Bangunan (PB) bagi membina menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi untuk diguna pakai oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Kedah Darul Aman adalah seperti berikut :

BIL.	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	CATATAN	DISEMAK OLEH	
			PEMOHON	OSA / OSC
A	SEMUA AGENSI / JABATAN TEKNIKAL TERLIBAT			
1	SURAT PERMOHONAN RASMI DAN BORANG A (Perakuan Pelan-pelan Bangunan/ Struktur)	Rujuk Jadual Kedua Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984		
2	KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG YANG MASIH SAH (Kecuali bagi permohonan serentak)			
3	BORANG PENGESAHAN PENGEQUALIAN KEBENARAN MERANCANG (EXPA) – Jika Berkaitan			
4	PELAN TAPAK / SUSUNATUR			
5	PELAN BANGUNAN termasuk; i. Pelan Lokasi ii. Pelan Lantai iii. Pelan Keratan Rentas			

BIL.	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	CATATAN	DISEMAK OLEH	
			PEMOHON	OSA / OSC
	iv. Pelan Pandangan Sisi v. 1 set lukisan perspektif <ul style="list-style-type: none"> <li>• Skala Pelan Hendaklah 1:100 atau 1:200 (Skala Lain Dengan Kebenaran)</li> <li>• Diperakui oleh Profesional Berdaftar</li> <li>• Penyediaan Pelan dalam Skala Metrik</li> <li>• Perakuan Menggunakan SPAH (Merujuk kepada UUK 2, 10 dan 115 (UKBS 1984)</li> <li>• Pengiraan OTTV dan/atau RTTV bagi pematuhan kecekapan tenaga di bawah UUK 38A, (UKBS 1984)</li> <li>• Pengiraan IBS [Diperakukan oleh Jurutera Profesional untuk bangunan (bagi projek swasta) RM 50 Juta ke atas yang berkadar dengan 50,000 meter persegi dengan jumlah 50 skor IBS]</li> <li>• Kehendak-kehendak bangunan untuk orang-orang yang kurang keupayaan dibawah UUK34A,(UKBS 1984)</li> </ul>	Rujuk Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984		
6	<b>SURAT ULASAN TEKNIKAL DARIPADA AGENSI SKMM, TNB DAN CAAM</b>			
<b>B</b>	<b>JABATAN BOMBA PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)</b>			
7	<b>PELAN BANGUNAN (KEPERLUAN BOMBA)</b> (Senarai Semakan Permohonan Untuk Kelulusan Pelan Arkitekural Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia) Rujuk Keperluan Kebombaan			

BIL.	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	CATATAN	DISEMAK OLEH	
			PEMOHON	OSA / OSC
<b>C</b>	<b>JABATAN BANGUNAN</b>			
8	<b>HAKMILIK TANAH/ SURAT PERSETUJUAN BANK/ PERJANJIAN JUAL BELI/ SIJIL CARIAN RASMI</b> (Gadai Kaveat Atau Perjanjian Penswastaaan)			
9	<b>DOKUMEN DAFTAR TUBUH SYARIKAT</b> [Memorandum dan Artikel (M&A), Form 24 dan Form 49 beserta surat penurunan kuasa menandatangani pelan dan dokumen sekiranya penama yang menandatangani dokumen tiada dalam Form 49A]	Sekiranya Berkaitan / Perlu		
10	<b>RESIT BAYARAN CUKAI TANAH/ CUKAI PETAK</b> (Resit Cukai Semasa)			
11	<b>RESIT CUKAI TAKSIRAN</b> (Resit Cukai Semasa)			
12	<b>RESIT BAYARAN FI PELAN BANGUNAN</b> (Bersama Pengiraan Fi)	Rujuk Jadual Pertama Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984		
13	<b>GAMBAR TAPAK SEDIA ADA</b>			
<b>D</b>	<b>JABATAN KEJURUTERAAN</b>			

- d) Bersetuju semua permohonan **Kebenaran Merancang (KM)** dan **Pelan Bangunan (PB)** bagi membina menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Kedah **dimohon secara serentak supaya kelulusan bagi permohonan tersebut dapat dikeluarkan secara serentak dalam tempoh masa yang ditetapkan.**

e) Bersetuju untuk menetapkan kadar bayaran dan fi untuk permohonan Kebenaran Merancang (KM) bagi membina menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi untuk diguna pakai oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Kedah adalah seperti berikut :

i. Bayaran Fi untuk proses permohonan Kebenaran Merancang (KM) adalah berjumlah **RM1,000.00**.

ii. Bayaran Fi untuk proses permohonan '*As-Built*' [struktur dibina tanpa kelulusan Kebenaran Merancang (KM)] adalah berjumlah **RM10,000.00** iaitu sepuluh (10) kali ganda dari Fi proses permohonan Kebenaran Merancang (KM).

iii. Bayaran Fi untuk pembaharuan Kebenaran Merancang (KM) Terhadap adalah berjumlah **RM500.00**.

iv. Bayaran Caj Taruhan / Cagaran untuk permohonan baharu dan '*As-Built*' bagi membina menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi adalah berjumlah **RM5,000.00**.

f) Bersetuju untuk menetapkan kadar bayaran dan fi permohonan Pelan Bangunan (PB) bagi membina menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi untuk diguna pakai oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Kedah adalah seperti berikut :

i. Bayaran Fi untuk proses permohonan Pelan Bangunan (PB) adalah berjumlah **RM260.00**.

ii. Bayaran Fi untuk proses permohonan '*As-Built*' [struktur dibina tanpa kelulusan Pelan Bangunan (PB)] adalah berjumlah **RM5,200.00** iaitu dua puluh (20) kali ganda dari Fi proses permohonan Pelan Bangunan (PB).

iii. Bayaran Fi pembaharuan Permit Sementara Tahunan adalah berjumlah **RM1,500.00**.



- g) Bersetuju untuk menetapkan bayaran caj taruhan / cagaran bagi permohonan membina menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi berjumlah **RM5,000.00 yang tidak dituntut oleh pemaju dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh deposit berkenaan akan dikreditkan ke akaun hasil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**. Tuntutan bayaran caj taruhan / cagaran akan dikembalikan kepada pihak pemaju, namun ia tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- h) Bersetuju untuk menetapkan kadar bayaran dan fi yang telah dikenakan kepada pemaju untuk permohonan baharu dan '*As Built*' [struktur yang dibina tanpa Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Bangunan (PB) bagi membina menara dan struktur pemancar telekomunikasi adalah **diseragamkan di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Kedah tanpa dikenakan sebarang caj atau fi tambahan yang lain**.
- i) Bersetuju untuk menetapkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Kedah mengguna pakai OSC 3.0 Plus Online untuk permohonan Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Bangunan (PB) bagi membina menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi di Negeri Kedah Darul Aman.
- j) Bersetuju untuk menetapkan kategori pembinaan menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri Kedah **adalah ditetapkan di bawah Kebenaran Merancang kategori sederhana** selaras dengan Manual OSC 3.0 Plus.
- k) Bersetuju bagi permohonan membina menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi di atas tapak / tanah **yang memenuhi syarat-syarat teknikal yang telah ditetapkan, kaedah layanan pemajuan diproses secara Kebenaran Merancang (KM) Penuh**.
- l) Bersetuju bagi permohonan membina menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi di atas tapak / tanah **yang tidak memenuhi syarat-syarat teknikal yang telah ditetapkan, kaedah layanan pemajuan diproses secara Kebenaran Merancang (KM) Terhad**.

- m) Bersetuju bagi pembinaan menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi di atas tanah hakmilik individu **yang memenuhi syarat-syarat teknikal, kaedah layanan pemajuan diproses secara Kebenaran Merancang (KM) Penuh.**
- n) Bersetuju bagi pembinaan menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi di atas tanah hakmilik individu **yang tidak memenuhi syarat-syarat teknikal, kaedah layanan pemajuan diproses secara Kebenaran Merancang (KM) Terhad.**
- o) Bersetuju bagi pembinaan menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi **yang dibina atas tanah kerajaan, tanah kerajaan yang hendak dimohon dan tanah berstatus *Reserve Certificate* (RC), layanan pemajuan diproses secara Kebenaran Merancang (KM) Terhad.**
- p) Bersetuju untuk menetapkan kadar bayaran perkhidmatan '*One Stop Agency*' (OSA) untuk permohonan baharu dan '*As built*' (struktur yang dibina tanpa kelulusan) bagi membina menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi di negeri Kedah Darul Aman adalah seperti berikut :
  - i. **Kadar Bayaran yang dikenakan untuk permohonan baharu bagi membina menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi adalah berjumlah RM5,000.00.**
  - ii. **Kadar Bayaran yang dikenakan untuk permohonan '*As Built*' (struktur menara yang telah dibina tanpa kelulusan) adalah berjumlah RM10,000.00 iaitu dua (2) kali ganda dari bayaran permohonan baru.**
  - iii. **Kadar bayaran perkhidmatan yang dikenakan bagi pembaharuan Permit Sementara Tahunan adalah berjumlah RM500.00.**
- q) Bersetuju bagi menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi yang dibina atas tapak / tanah berkategori pertanian akan dikenakan **Caj Permit Langgar Syarat** oleh Pentadbir Tanah Daerah.

- r) Bersetuju kadar fi permit langgar syarat bagi penggunaan tanah pertanian bagi maksud tapak pemancar / tiang / menara telekomunikasi adalah **RM0.40 bagi setiap meter persegi atau sebahagian daripadanya tertakluk kepada kadar minimum RM1,600.00 per lot menurut Kaedah-Kaedah Tanah Kedah 2018 [Kaedah 34(7)(A)(vii)(b)].**
- s) Bersetuju dengan bayaran-bayaran lain yang dikenakan berkaitan permohonan Permit Langgar Syarat menurut **Kaedah-Kaedah Tanah Kedah 2018 [Kaedah 37(1)(b)25]** adalah seperti berikut :

BIL	BUTIRAN	KADAR BAYARAN
1.	Fi Permohonan	RM50.00 per hakmilik
2.	Fi Pembaharuan	RM25.00 per hak milik
3.	Penalti Bagi Pembaharuan Lewat	RM100.00 per hak milik

- t. Bersetuju dengan perincian bayaran yang dikenakan oleh 'One Stop Agency' (OSA), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta Pejabat Daerah dan Tanah untuk layanan pemajuan yang diproses secara **Kebenaran Merancang Penuh dan Kebenaran Merancang Terhadap bagi Permohonan Baharu** membina menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi adalah seperti berikut :

BIL	BUTIRAN	JUMLAH (RM)
<b>Bayaran One Stop Agency (OSA)</b>		
1.	Bayaran Perkhidmatan Permohonan Baharu	5,000.00
<b>Bayaran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)</b>		
2.	Fi Proses Permohonan Kebenaran Merancang (KM)	1,000.00
3.	Fi Proses Pelan Bangunan (PB)	260.00
4.	Bayaran Caj Taruhan / Cagaran PBT	5,000.00
<b>Bayaran Pejabat Daerah Dan Tanah</b>		
5.	Bayaran Permit Langgar Syarat	1,600.00
6.	Fi Permohonan Permit Langgar Syarat	50.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>12,910.00</b>

- u. Bersetuju dengan perincian bayaran yang dikenakan oleh 'One Stop Agency' (OSA), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta Pejabat Daerah dan Tanah untuk layanan pemajuan yang diproses secara **Kebenaran Merancang (KM) Penuh dan Kebenaran Merancang (KM) Terhadap** bagi **Permohonan 'As-Built'** membina menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi adalah seperti berikut :

BIL	BUTIRAN	JUMLAH (RM)
<b>Bayaran One Stop Agency (OSA)</b>		
1.	Bayaran Perkhidmatan Permohonan 'As-Built'	10,000.00
<b>Bayaran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)</b>		
2.	Fi Proses Permohonan Kebenaran Merancang (KM) 'As-Built'	10,000.00
3.	Fi Proses Pelan Bangunan (PB) 'As-Built'	5,200.00
4.	Bayaran Caj Taruhan / Cagaran PBT	5,000.00
<b>Bayaran Pejabat Daerah Dan Tanah</b>		
5.	Fi Permit Langgar Syarat	1,600.00
6.	Fi Permohonan Permit Langgar Syarat	50.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>31,850.00</b>

- v. Bersetuju dengan perincian bayaran yang dikenakan oleh 'One Stop Agency' (OSA), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta Pejabat Daerah dan Tanah untuk layanan pemajuan yang diproses secara **Kebenaran Merancang (KM) Penuh** bagi **Pembaharuan Permit Sementara Tahunan** adalah seperti berikut :

BIL	BUTIRAN	JUMLAH (RM)
<b>Bayaran One Stop Agency (OSA)</b>		
1.	Bayaran Perkhidmatan Pembaharuan Permit Sementara Tahunan	500.00
<b>Bayaran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)</b>		
2.	Fi Pembaharuan Permit Sementara Tahunan	1,500.00
<b>Bayaran Pejabat Daerah Dan Tanah</b>		
3.	Fi Permit Langgar Syarat	1,600.00
4.	Fi Pembaharuan Permit Langgar Syarat	25.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>3,625.00</b>

- w. Bersetuju dengan perincian bayaran yang dikenakan oleh 'One Stop Agency' (OSA), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta Pejabat Daerah dan Tanah untuk layanan pemajuan yang diproses secara **Kebenaran Merancang (KM) Terhadap** bagi **Pembaharuan Permit Tahunan** adalah seperti berikut :

BIL	BUTIRAN	JUMLAH (RM)
<b>Bayaran One Stop Agency (OSA)</b>		
1.	Bayaran Perkhidmatan Pembaharuan Permit Sementara Tahunan	500.00
<b>Bayaran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)</b>		
2.	Fi Pembaharuan Permit Sementara Tahunan	1,500.00
3.	Fi Pembaharuan Kebenaran Merancang Terhadap (KMT)	500.00
<b>Bayaran Pejabat Daerah Dan Tanah</b>		
4.	Fi Permit Langgar Syarat	1,600.00
5.	Fi Pembaharuan Permit Langgar Syarat	25.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>4,125.00</b>

4. Justeru itu, adalah menjadi harapan agar semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri Kedah Darul Aman dapat memastikan pematuhan terhadap perkara-perkara yang telah dipersetujui oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman. Kerjasama dan perhatian daripada pihak YBhg. Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian.

**"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' PADUKA AMMAR BIN DATO' SHAIKH MAHMOOD NAIM,  
DPSS., DSDK., JSD., SSS., AMK., AMN., BCK.)**

PSU(K)330-1431 JLD.5 (66)

- s.k. - Pengarah Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Kedah (BPEN)
- Pengarah PLANMLAYSIA@Kedah  
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah)
- Pengarah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Negeri Kedah  
Darul Aman
- Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan